

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]

TARIKH : 7 OKTOBER 2014 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah bayi yang telah ditinggalkan oleh ibu belum berkahwin, yang hidup mahupun yang telah meninggal dunia di Malaysia terutamanya di Sarawak sejak tahun 2000. Senaraikan mengikut umur ibu bermula daripada yang belum cukup umur.

JAWAPAN:

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius akan bayi yang telah ditinggalkan oleh ibu belum berkahwin, yang hidup mahupun yang telah meninggal dunia di Malaysia. Tindakan ibu belum berkahwin meninggalkan bayi merupakan satu perlakuan yang tidak bertanggungjawab dan tidak berperikemanusiaan serta dikategorikan sebagai tindakan pembuangan bayi.

Sebarang insiden yang melibatkan ibu belum berkahwin meninggalkan bayi akan dilaporkan kepada pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk tindakan penyiasatan dan matlumat diperolehi daripada PDRM.

Statistik daripada PDRM menunjukkan bahawa 1,258 kes pembuangan bayi telah dilaporkan di seluruh Malaysia daripada tahun 2000 hingga Julai 2014. Daripada jumlah berkenaan, 113 kes pembuangan bayi telah dilaporkan bagi negeri Sarawak.

Statistik mencatatkan bahawa 531 bayi yang dibuang adalah hidup manakala 727 bayi telah meninggal dunia semasa ditemui.

Data berkaitan umur ibu yang meninggalkan bayi tiada dalam rekod PDRM dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING
[STAMPIN]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan jumlah lesen dikeluarkan bagi menjalankan perniagaan "reflexology" ataupun kedaiurut di kawasan perbandaran MBKS, MPP serta DBKU di Kuching Sarawak.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Komuniti Sarawak, bilangan premis berlesen yang menjalankan aktiviti perniagaan "reflexology" ataupun rumah urut sehingga 31 Ogos 2014 adalah seperti berikut :

- | | | |
|--|---|-----|
| (i) Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) | : | 27 |
| (ii) Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) | : | 151 |
| (iii) Majlis Perbandaran Padawan (MPP) | : | 33 |

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2014